



---

Received: 2020-01-15

Accepted: 2020-02-24

Published: 2020-04-30

---

**Original Article**

**Isu-Isu Dalam Bulan Syaaban: Analisis Menurut Perspektif Fiqh Hadith**

***Issues in Syaaban Month: An Analysis from Fiqh al-Hadith Perspectives***

**Mohd Farhan Md Ariffin<sup>a\*</sup>, Khadher Ahmad<sup>b</sup>, Muhammad Ikhlas Rosele<sup>b</sup> & Mohd Izzat Abd Shukur<sup>c</sup>**

<sup>a</sup> Akademi Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia

<sup>b</sup> Akademi Pengajian Islam, University of Malaya

<sup>c</sup> Professional College of Baitulmal, Kuala Lumpur

\* Corresponding author, email; mohdfarhan.ma@utm.my

---

**ABSTRACT**

In Islamic calendar, Sha'ban is one of the months which contain values of glory and greatness among Muslims, both historically, advantages and addition to the worship. No less also brought upon various issues on virtue and religious worship implementation in it. Misunderstandings of Sha'ban hadith and the existence of weak and fake hadiths have greatly influenced its manifestations. Even by the month of Sha'ban every year, arguments will take place on virtual chat sites. Most notably, disputes involved groups of scholar who hold against each other's beliefs. On the other hand, they announce that Sha'ban has a lot of *barakah*, and even sometimes it seems to be more superior than Ramadan. On the other hand, they strictly forbade any ritual, so does legalize the culture of *tafsiq* and *tabdi'* to the opposition. Therefore, efforts to harmonize both sides are important in developing *wasatiyyah* attitude among community. As one of the medium, this article strives to resolve each issues based on past and contemporary theologian writings. The analysis is done on real issue and highlights the true understanding based of al-Quran and Sunnah. Among the issues are the contradiction between numbers of fasting in Sha'ban, the presence of weak and fabricated hadith, the night of Nisfu Sha'ban and Surar Syaaban. As a result of special guidance in welcoming Sha'ban, Muslims can perform pious duties without any doubt. It is hoped that study result can be benefited onto the conduct of worship in Sha'ban.

**Keywords:** Sha'ban; Advantage; Practice; Explanation; Guidance

---

**Pendahuluan**

Sebahagian daripada rahmat Allah SWT kepada para hamba-Nya ialah menyediakan bulan-bulan yang mengandungi kebaikan. Dijadikan hari-hari tertentu supaya manusia berlumba-lumba

melakukan amal soleh. Dengan itu, para pelaku maksiat dan pendosa diberi peluang dan ruang untuk bertaubat dan memohon keampunan.<sup>1</sup>

Dalam perkiraan kalender Islam, Syaaban merupakan salah satu bulan yang mengandungi seribu satu kemuliaan dalam kalangan umat Islam. Tidak kurang juga terjadi pelbagai polemik mengenai fadilat dan pengamalan ibadah di dalamnya. Oleh hal yang demikian itu, penting untuk membetulkan tanggapan semua pihak terhadap isu berbangkit sekaligus menghindarkan budaya melabel sesama Muslim.

### Skop dan Metodologi

Artikel ini berusaha menganalisis setiap isu yang diperkirakan sebagai paling popular diperselisihkan dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Isu-isu yang dibincangkan termasuk kewujudan hadis daif dan mawdu' mengenai Syaaban, pertentangan antara jumlah hari puasa Syaaban dan malam Nisfu Syaaban.

Melalui pendekatan analisis data, perkara utama yang diberi penekanan adalah penjelasan secara kritis terhadap setiap isu. Hadis-hadis yang dinyatakan diperakui kehujahannya oleh ulama takhrij. Hadis berstatus sahih tidak dinyatakan hukumnya. Hanya hadis hasan, daif atau palsu sahaja yang disertakan penjelasan hukum pada bahagian nota kaki. Hal ini penting bagi menjamin ketulenan dan autoriti nas agama. Akhirnya, kajian menggariskan panduan al-Sunnah dalam menyambut Syaaban.

### Keutamaan Bulan Syaaban

Syaaban merupakan bulan paling hampir dengan Ramadan al-Mubarak. Kedatangannya memberi isyarat kepada permulaan musim keampunan Allah SWT kepada para hamba-Nya. Malah Syaaban memiliki keistimewaan khusus di sisi Nabi Muhammad SAW.<sup>2</sup> Dalam himpunan hadis, dinyatakan bahawa baginda SAW memuliakan bulan Syaaban dengan berpuasa di dalamnya.

وَرَمَضَانٌ شَعْبَانٌ إِلَّا مُتَابِعَيْنِ شَهْرَيْنِ يَصُومُ النَّبِيُّ رَأَيْتُ مَا قَالَتْ سَلَمَةُ أُمُّ عَنْ

Terjemahan: Dari Ummu Salamah berkata: "Aku tidak pernah melihat Nabi SAW berpuasa selama dua bulan secara berterusan melainkan dalam bulan Syaaban dan Ramadan." [Hadis riwayat al-Tirmidhi]<sup>3</sup>

Dalam riwayat yang lain dinyatakan: "Kecuali sedikit (hari yang Nabi SAW tidak berpuasa di dalamnya)." Ketika mana ditanya mengenai pengamalan ibadah dalam bulan Syaaban, Baginda SAW menjawab:

ذَلِكَ شَهْرٌ يَغْفِلُ النَّاسُ عَنْهُ بَيْنَ رَجَبٍ وَرَمَضَانَ، وَهُوَ شَهْرٌ تُرْفَعُ فِيهِ الْأَعْمَالُ إِلَى رَبِّ الْعَالَمِينَ، فَأَحِبُّ أَنْ يُرْفَعَ عَمَلِي وَأَنَا صَائِمٌ

<sup>1</sup> Muhammad al-Dabisi, Hal al-Mukminin fi Sya'ban, Qahirah: Masjid al-Huda al-Mahmudi, 2013, 8.

<sup>2</sup> Yusuf Ibn Hasan Ibn 'Abd Hadi al-Maqdisi al-Dimasyqi al-Hanbali, Ma'arif al-An'am wa Fadhl al-Shuhur wa al-Ayyam, Shuriah-Lubnan-Kuwait: Dar al-Nawadir, 2011, 100.

<sup>3</sup> Muhammad Ibn 'Isa Ibn Sawrah al-Tirmidhi, Sunan al-Tirmidhi, Kitab al-Sawm, Bab Ma Ja fi Wasal Sya'ban bi Ramadan, Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawz'i', 183, no. Hadis 736.

Terjemahan: "Bulan Syaaban merupakan bulan di antara Rejab dan Ramadan di mana manusia sering lalai daripadanya. Bulan tersebut akan diangkat semua amalan hamba kepada Allah, Tuhan semesta alam. Oleh sebab itu, aku sangat suka untuk berpuasa ketika amalanku dinaikkan." [Hadis riwayat al-Nasa'i]<sup>4</sup>

Ironinya, Nabi Muhammad SAW memuliakan bulan Syaaban di atas beberapa faktor:

[Pertama]: *Muqaddimah* Kepada Musim Keampunan (Ramadan)

Menjadi kemestian ke atas setiap Muslim yang mengkehendaki kebaikan di dunia dan akhirat untuk mengambil peduli tentang keluasan ganjaran yang terdapat di dalamnya. Di dalamnya terdapat ganjaran rahmat, keampunan dan pembebasan daripada api neraka.<sup>5</sup>

#### Ganjaran Rahmat

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ: أَتَاكُمْ رَمَضَانُ شَهْرٌ مُبَارَكٌ، فَرَضَ اللَّهُ عَلَيْكُمْ صِيَامَةً، تُفْتَحُ فِيهِ أَبْوَابُ السَّمَاءِ، وَتُغْلَقُ فِيهِ أَبْوَابُ الْجَحَّمِ، وَتَعْلَمُ فِيهِ مَرَدَةُ الشَّيَاطِينِ لِلَّهِ، فِيهِ لَيْلَةٌ خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ شَهْرٍ، مِنْ حُرْمَةِ خَيْرِهَا فَقَدْ حُرْمَةٌ

Terjemahan: Dari Abu Hurayrah berkata: (Rasulullah SAW akan memberi berita gembira kepada para sahabatnya tentang kehadiran Ramadan) dengan bersabda: "Sesungguhnya telah datang kepada kamu Ramadan, bulan yang berkat, Allah SWT mewajibkan kepada kamu berpuasa padanya, dibuka pintu-pintu syurga dan ditutup pintu-pintu neraka, dan syaitan dibelenggu, di dalamnya (juga) ada satu malam yang lebih baik dari seribu bulan, barang siapa yang mengharamkan kebaikannya maka ia diharamkan (mendapat kelebihan dan pahala padanya)." [Hadis riwayat al-Nasa'i]<sup>6</sup>

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ: دَخَلَ رَمَضَانَ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ: إِنَّ هَذَا الشَّهْرَ قَدْ حَضَرَكُمْ وَفِيهِ لَيْلَةٌ خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ شَهْرٍ

Terjemahan: Dari Anas Ibn Malik berkata: apabila masuk bulan Ramadan, maka Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya bulan Ramadan telah datang kepada kamu semua. Di dalamnya terdapat satu malam yang lebih baik dari seribu bulan." [Hadis riwayat Ibn Majah]<sup>7</sup>

#### Ganjaran Keampunan

<sup>4</sup> Abu 'Abd al-Rahman Ahmad Ibn Shu'aib Ibn 'Ali, Sunan al-Nasa'i, Kitab al-Siyam, Bab Sawm Nabi SAW, Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi', 367, no. Hadis 2357. Hadis hasan.

<sup>5</sup> Muhammad al-Dabisi, Hal al-Mukminin fi Sya'ban, Qahirah: Masjid al-Huda al-Mahmudi, 2013, 7.

<sup>6</sup> Abu 'Abd al-Rahman Ahmad Ibn Shu'aib Ibn 'Ali, Sunan al-Nasa'i, Kitab al-Siyam, Bab Dhikr al-Ikhtilaf 'Ala Mu'mar fih, Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi', 336, no. Hadis 2106.

<sup>7</sup> Abu 'Abd Allah Muhammad Ibn Yazid al-Qazwayni, Sunan Ibn Majah, Kitab al-Siyam, Bab Ma Ja'a fi Fadhl Shahr al-Ramadan, Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi', 289, no. Hadis 1644. Hadis hasan sahih.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ: مَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا عُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Terjemahan: Dari Abu Hurayrah berkata: Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa yang berpuasa Ramadan dengan penuh keimanan dan pengharapan, akan diampunkan segala dosa yang telah lalu." [Hadis riwayat al-Bukhari]<sup>8</sup>

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ: مَنْ قَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا عُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Terjemahan: Dari Abu Hurayrah, Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa yang menghidupkan Ramadan dengan penuh keimanan dan pengharapan, akan diampunkan segala dosa yang telah lalu." [Hadis riwayat al-Bukhari]<sup>9</sup>

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ: مَنْ يَقْمِنْ لَيْلَةَ الْقُدرِ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا عُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Terjemahan: Dari Abu Hurayrah berkata: Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa yang mendirikan malam al-Qadr, dengan penuh keimanan dan pengharapan, diampunkan dosa yang telah lalu." [Hadis riwayat al-Bukhari]<sup>10</sup>

#### Ganjaran Pembebasan Daripada Api Neraka

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ النَّبِيَّ صَعَدَ الْمِنْبَرَ فَقَالَ: آمِينَ آمِينَ آمِينَ. فَقَبَلَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّكَ حِينَ صَعَدْتَ الْمِنْبَرَ قُلْتَ: آمِينَ آمِينَ آمِينَ. قَالَ: إِنَّ جَبْرِيلَ أَتَيَنِي فَقَالَ: مَنْ أَذْرَكَ شَهْرَ رَمَضَانَ فَلَمْ يُغْفَرْ لَهُ فَدَخَلَ النَّارَ فَأَبْعَدَهُ اللَّهُ، قُلْ آمِينَ، فَقُلْتُ: آمِينَ.

Terjemahan: Dari Abu Hurayrah, sesungguhnya ketika mana Nabi SAW naik ke atas mimbar (pada satu hari), baginda SAW mengatakan: Amin (sebanyak tiga kali). Lalu ditanyakan kepadanya: "Wahai Rasulullah SAW, ketika mana engkau naik ke atas mimbar, engkau ada mengatakan Amin (sebanyak tiga kali)." Maka Nabi SAW menjawab: Sesungguhnya Jibril AS mendatangi (ketika itu) dan mengatakan: "Sesiapa yang melepas Ramadan, tetapi tidak mendapat keampunan Allah SWT,

<sup>8</sup> Abu 'Abd Allah Muhammad Ibn 'Isma'il al-Bukhari, al-Jami' al-Sahih al-Musnad Min Hadith Rasulillah SAW wa Sunanihi wa Ayyamih, Kitab al-Iman, Bab Sawm Ramadan Ihtisaban Min al-Iman, Qahirah: al-Matba'ah al-Salafiyyah wa Maktabatuha, 1: 29, no. Hadis 38.

<sup>9</sup> Abu 'Abd Allah Muhammad Ibn 'Isma'il al-Bukhari, al-Jami' al-Sahih al-Musnad Min Hadith Rasulillah SAW wa Sunanihi wa Ayyamih, Kitab al-Iman, Bab Tatawwu' Qiyam Ramadan Min al-Iman, Qahirah: al-Matba'ah al-Salafiyyah wa Maktabatuha, 1: 28-29, no. Hadis 37.

<sup>10</sup> Abu 'Abd Allah Muhammad Ibn 'Isma'il al-Bukhari, al-Jami' al-Sahih al-Musnad Min Hadith Rasulillah SAW wa Sunanihi wa Ayyamih, Kitab al-Iman, Bab Tatawwu' Qiyam Laylah al-Qadr Min al-Iman, Qahirah: al-Matba'ah al-Salafiyyah wa Maktabatuha, 1: 28, no. Hadis 35.

nescaya masuk ke dalam neraka." Katakanlah: Amin. Maka aku pun berkata: Amin..... [Hadis riwayat Abu Ya'la al-Musili]<sup>11</sup>

[Kedua]: Memakmurkan Waktu Di Mana Kebanyakan Manusia Lalai Daripada Perkara Ketaatan Dan Amal Soleh

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ قَالَ: حَدَّثَنَا تَابِعٌ بْنُ قَيْسٍ أَتَوْ الْعُصْنِ شَيْخٌ مِنْ أَهْلِ الْمَدِينَةِ قَالَ: حَدَّثَنِي أَبُو سَعِيدِ الْمَقْبُرِيُّ  
قَالَ: حَدَّثَنِي أَسَامَةُ بْنُ زَيْدٍ، قَالَ: قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ! لَمْ أَرَكَ تَصُومُ شَهْرًا مِنَ الشَّهُورِ مَا تَصُومُ مِنْ شَعْبَانَ،  
قَالَ: ذَلِكَ شَهْرٌ يَعْفُلُ النَّاسُ عَنْهُ بَيْنَ رَجَبٍ وَرَمَضَانَ، وَهُوَ شَهْرٌ تُرْفَعُ فِيهِ الْأَعْمَالُ إِلَى رَبِّ الْعَالَمَيْنِ، فَأَجِبْ  
أَنْ يُرْفَعَ عَمَلِي وَأَنَا صَائِمٌ

Terjemahan: Dari 'Abd al-Rahman mengatakan: Thabit Ibn Qays Abu al-'Usn, seorang tua dari penduduk Madinah menceritakan kepada kami dengan berkata: Abu Sa'id al-Maqburiy menceritakan kepadaku dengan berkata: Usamah Ibn Zayd menceritakan kepadaku dengan berkata bahawa aku pernah bertanya kepada baginda SAW: "Wahai Rasulullah SAW, aku tidak pernah melihat engkau berpuasa dalam bulan-bulan lain sebagaimana dalam bulan Syaaban. (Kemudian) Rasulullah SAW bersabda: "Bulan Syaaban merupakan bulan di antara Rejab dan Ramadan di mana manusia sering lalai daripadanya. Bulan tersebut diangkat semua amalan hamba kepada Allah, Tuhan semesta alam. Oleh sebab itu, aku sangat suka untuk berpuasa ketika amalanku dinaikkan." [Hadis riwayat al-Nasa'i]<sup>12</sup>

Signifikannya, Syaaban membuka pintu tanggungjawab berupa perintah secara tidak langsung kepada golongan Mukmin agar mengambil peluang menggandakan amalan. Natijahnya, Allah SWT akan mengangkat bala, bencana, ujian dan malapetaka daripada menimpa umat Islam yang lain. Muhammad al-Dabisi mengatakan: "Di saat manusia lalai, menjadi tanggungjawab orang beriman untuk memakmurkan bulan Syaaban. Tanggungjawab tersebut akan dihakimi di hadapan Allah SWT dan menjamin kejayaan ummah. Menjaga agama adalah tanggungjawab yang mulia dan penting. Jika bukan mereka yang melakukannya, siapa lagi?"<sup>13</sup>

[Ketiga]: Melaksanakan Persediaan Menuju Ramadan al-Mubarak

Ramadan adalah bulan yang dinanti-nantikan oleh umat Islam khususnya para *Salaf al-Soleh*. Ramadan merupakan bulan Allah SWT, bulan kebaikan, bulan puasa, bulan al-Quran, *Laylah al-Qadr*, *Qiyam al-Layl*, *Sadaqah* dan pelbagai rahmat lagi di dalamnya. Ramadan juga merupakan satu kegembiraan bagi umat Islam. Bagaimana orang Mukmin tidak bergembira jika dibuka pintu syurga? Bagaimana orang berdosa tidak bergembira jika pintu neraka ditutup? Bagaimana orang berakal tidak bergembira dengan dibelenggunya syaitan? Tidak akan dijumpai waktu ini (Ramadan) pada masa-masa yang lain.

<sup>11</sup> Ahmad Ibn 'Ali Ibn al-Mathna Ibn Yahya al-Tamimi al-Mawsili, Musnad Abu Ya'la al-Mawsili, Musnad Abu Hurayrah, Dimasyq: Dar al-Ma'mun lil Turath, 1990, 10: 328, no. Hadis. 5922. Hadis hasan.

<sup>12</sup> Abu 'Abd al-Rahman Ahmad Ibn Shu'aib Ibn 'Ali, Sunan al-Nasa'i, Kitab al-Siyam, Bab Sawm Nabi SAW, Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi', 367, no. Hadis 2357. Hadis hasan.

<sup>13</sup> Muhammad al-Dabisi, Hal al-Mukminin fi Sya'ban, Qahirah: Masjid al-Huda al-Mahmudi, 2013, 13-14.

Malah sebahagian ulama menganjurkan supaya mengucapkan tahniah sesama umat Islam sempena ketibaan Ramadan. Nabi SAW juga menzahirkan kegembiraan terhadap kehadiran Ramadan kepada para sahabat sebagaimana hadis:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ: أَتَأْكُمْ رَمَضَانُ شَهْرٌ مُبَارَكٌ، فَرَضَ اللَّهُ عَلَيْكُمْ صِيَامَهُ، ثُمَّتَخَ فِيهِ أَبْوَابُ السَّمَاءِ، وَثُعَلَّقَ فِيهِ أَبْوَابُ الْجَنَّةِ، وَتَعَلَّقَ فِيهِ مَرَدَّةُ الشَّيَاطِينِ لِلَّهِ، فِيهِ لَيْلَةٌ خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ شَهْرٍ، مِنْ حُرُمَةِ حَيْرَهَا فَقَدْ حُرِمَ

Terjemahan: Dari Abu Hurayrah berkata: (Rasulullah SAW akan memberi berita gembira kepada para sahabatnya tentang kehadiran Ramadan) dengan bersabda: "Sesungguhnya telah datang kepada kamu Ramadan, bulan yang berkat, Allah SWT mewajibkan kepada kamu berpuasa padanya, dibuka pintu-pintu syurga dan ditutup pintu-pintu neraka, dan syaitan dibelenggu, di dalamnya (juga) ada satu malam yang lebih baik dari seribu bulan, barang siapa yang mengharamkan kebaikannya maka ia diharamkan (mendapat kelebihan dan pahala padanya)." [Hadis riwayat al-Nasa'i]<sup>14</sup>

Ibn Rajab juga menukilkan bahawa para sahabat berdoa enam bulan sebelum Ramadan dan enam bulan selepas Ramadan:

كَانُوا يَدْعُونَ اللَّهَ تَعَالَى سَتَةً أَشْهُرًا أَنْ يَلْغِيَهُمْ رَمَضَانٌ يَدْعُونَهُ سَتَةً أَشْهُرًا أَنْ يَتَقْبَلَ مِنْهُمْ

Terjemahan: "Ketika zaman para sahabat, enam bulan sebelum datang Ramadan, mereka akan berdoa agar Allah mempertemukan mereka dengan Ramadan. Kemudian enam bulan sesudah Ramadan, mereka berdoa agar Allah SWT menerima amal mereka dalam bulan Ramadan."<sup>15</sup>

Oleh itu apabila masuk bulan Syaaban, para sahabat akan memperbanyak membaca al-Quran, bersedekah dan mengeluarkan zakat agar orang miskin mampu bersama-sama berpuasa dalam bulan Ramadan. Malah mereka memperbanyak puasa, membebaskan tawanan dan sebagainya. Ini menggambarkan persediaan untuk menyambut kedatangan Ramadan.

### Isu Hadis Daif Mengenai Bulan Syaaban

Dalam perbincangan mengenai *fada'il* bulan atau hari dalam Islam, pasti isu utama yang menjadi perdebatan ialah berkaitan status hadis yang dijadikan hujah atau dalil penyokong. Terdapat pelbagai jenis hadis yang lemah bahkan palsu turut diguna pakai bagi menyokong pengamalan masing-masing. Demikian, adalah mendukacitakan apabila ramai yang dilihat tidak berdisiplin dalam memetik hadis tanpa mengira tentang ketulenan sesebuah hadis, juga tidak meneliti *takhrij* dan *tahqiq* para *muhaddithin* terhadap kedudukannya. Lebih teruk jika terus disebarluaskan tanpa menjelaskan kedudukannya. Dalam satu contoh:

<sup>14</sup> Abu 'Abd al-Rahman Ahmad Ibn Shu'aib Ibn 'Ali, Sunan al-Nasa'i, Kitab al-Siyam, Bab Dhikr al-Ikhtilaf 'Ala Mu'mar fihi, Riyad: Maktabah al-Ma'rif li al-Nashr wa al-Tawzi', 336, no. Hadis 2106.

<sup>15</sup> 'Abd al-Rahman Ibn Ahmad Ibn Rajab, Lata'if al-Ma'rif fi Ma li Mawasim al-'Am min al-Mawazif, Dimasyq: Dar Ibn Kathir, 1999, 376.

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ: فَقَدْنَا رَسُولَ اللَّهِ لَيْلَةً، فَخَرَجْنَا فَإِذَا هُوَ بِالْبَقِيعِ فَقَالَ: أَكُنْتُ تَحْاْفِنَ أَنْ يَجِيفَ اللَّهُ عَلَيْنَا  
وَرَسُولُهُ؟ قَلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنِّي ظَنَّتُ أَنَّكَ أَتَيْتَ بَعْضَ نِسَائِكَ، فَقَالَ: إِنَّ اللَّهَ يَنْزُلُ لَيْلَةَ الْبَصْفِ مِنْ  
شَعْبَانَ إِلَى السَّمَاءِ الدُّنْيَا، فَيَعْفُرُ لِأَكْثَرِ مِنْ عَدَدِ شَعْرٍ عَنِّي كُلِّي

Terjemahan: Dari ‘Aishah berkata: Pada suatu malam, aku tidak mendapati (kelibat) Rasulullah SAW. Kemudian aku pun keluar (mencarinya). ternyata beliau berada di kawasan perkuburan Baqi’. Nabi SAW pun bertanya; “Kamu khuatir Allah dan Rasul-Nya akan menipumu?” Aisyah menjawab: “Wahai Rasulullah, aku menyangka engkau pergi kepada sebahagian daripada isteri-isteri yang lain.” Lalu Nabi SAW bersabda: “Sesungguhnya Allah SWT turun ke langit dunia pada malam nisfu Syaaban, lalu Allah SWT mengampunkan dosa-dosa (yang dilakukan oleh hamba-Nya) lebih banyak daripada jumlah bulu-bulu yang terdapat pada kambing-kambing peliharaan (bani) Kalb.” [Hadis daif riwayat al-Tirmidhi<sup>16</sup> & Ibn Majah<sup>17</sup>]

Mengulas hukum hadis oleh al-Albani, hadis keutamaan malam Nisfu Syaaban dalam bulan Syaaban masih boleh diterima dalam konteks *fada'il a'mal* (kelebihan amalan) dan *targhib wa tarhib* dengan menekuni syarat-syarat tertentu. Dalam hal penggunaan hadis daif, Ibn Hajar al-'Asqalani menyatakan:

“Masyhur dalam kalangan ahli ilmu yang membolehkan penggunaan hadis daif selagimana ia tidak tergolong dalam hadis *mawdu'* dalam perkara *fada'il*. Oleh itu, perlu untuk mensyaratkan bahawa para pelaku mengetahui dan mengisytiharkan keadaan hadis daif yang dijadikan *i'tiqad* atau amalan. Jika tidak diisytiharkan (keadaan hadis tersebut yang lemah dan membawa kepada amalan), berkemungkinan seseorang itu akan mensyariatkan perkara yang tidak disyariatkan atau disangka oleh sebahagian orang jahil bahawa ia adalah sunnah sahihah.”

Dalam perbincangan seterusnya, Ibn Hajar al-'Asqalani menjelaskan lagi jika hadis itu lemah adakah boleh diamalkan dengan katanya:

لَا فَرْقٌ فِي الْعَمَلِ بِالْحَدِيثِ فِي الْأَحْكَامِ، أَوْ فِي الْفَضَائِلِ إِذَا كُلِّ شَرِع

Terjemahan: “Tiada beza beramal dengan hadis (lemah) pada hukum atau pada *fada'il* jika semuanya (dianggap) syariat.”<sup>18</sup>

Sehubungan dengan itu, pemakaian hadis daif dalam menerangkan perihal kelebihan amalan di bulan Syaaban perlu diisytiharkan, tidak berkaitan dengan hukum hakam (syariat), tidak terlalu daif dan berkaitan fadilat (kelebihan) sahaja. Namun begitu adalah lebih baik mengguna pakai hadis bertaraf sahih dan hasan jika sedia wujud.

<sup>16</sup> Muhammad Ibn 'Isa Ibn Sawrah al-Tirmidhi, Sunan al-Tirmidhi, Kitab al-Sawm, Bab Ma Ja fi Laylah al-Nisf Min Sya'ban, Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi', 183, no. Hadis 739. Hadis daif menurut al-Albani.

<sup>17</sup> Abu 'Abd Allah Muhammad Ibn Yazid al-Qazawayni, Sunan Ibn Majah, Kitab Iqamat al-Salah wa al-Sunnah fiha, Bab Ma Ja'a fi Laylah al-Nisf Min Sya'ban, Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi', 247, no. Hadis 1389. Hadis daif menurut al-Albani.

<sup>18</sup> Al-'Asqalani, Tabyin al-'Ajab bi ma Warada fi Syahr Rajab, Qahirah: Muasasah Qurtubah, t.t., 26.

Di samping itu, terdapat juga hadis yang bertaraf lebih rendah lagi (*da’if jiddan*). Contoh hadis pada bahagian ini, tidak boleh dijadikan hujah atau dalil penyokong. Misalnya:

عَنْ أَنَسٍ قَالَ: سُئِلَ النَّبِيُّ أَيُّ الصَّوْمُ أَفْضَلُ بَعْدَ رَمَضَانَ؟ فَقَالَ: شَبَّابٌ لِتَعْظِيمِ رَمَضَانَ، قِيلَ: فَأَيُّ الصَّدَقَةَ أَفْضَلُ؟ قَالَ: صَدَقَةٌ فِي رَمَضَانَ

Terjemahan: Dari Anas berkata: Nabi SAW pernah ditanya berkenaan puasa yang paling baik selepas Ramadan. Maka baginda SAW bersabda: "(Puasa) Syaaban untuk memuliakan Ramadan." Baginda ditanya lagi, "Sedekah manakah yang paling baik?" Baginda SAW menjawab: "Sedekah dalam bulan Ramadan." [Hadis *da’if jiddan* riwayat al-Tirmidhi]<sup>19</sup>

Menurut al-Tirmidhi, hadis ini *gharib* dan Sadaqah Ibn Musa seorang yang tidak kuat (dari segi periyawatan). Sadaqah Ibn Musa bersendirian dalam periyawatan dan dia sendiri seorang yang daif. Ibn Ma'in mengatakan: "tiada satu pun (manfaat) dengan hadisnya." Ibn Hatim pula mengatakan "*Layyin al-Hadith*." Menurut Ibn Hajar al-'Asqalani, hadis ini bertentangan dengan hadis sahih riwayat Abu Hurayrah, iaitu "Puasa paling afdal selepas Ramadan adalah puasa pada bulan Muharram."<sup>20</sup>

Dalam perihal keutamaan malam Nisfu Syaaban, terdapat hadis berstatus *da’if jiddan* bahkan palsu yang tidak layak dijadikan penyokong kepada kelebihannya.

عَنْ عَلَيِّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ: إِذَا كَانَتْ لَيْلَةُ النِّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ، فَقُوْمُوا لَيْلَهَا، وَصُومُوا يَوْمَهَا، فَإِنَّ اللَّهَ يَنْزُلُ فِيهَا لِغُرُوبِ الشَّمْسِ إِلَى سَمَاءِ الدُّنْيَا، فَيَقُولُ: أَلَا مُسْتَغْفِرَ لِي فَأَغْفِرْ لَهُ، أَلَا مُسْتَرْزَقَ فَأَرْزَقْهُ، أَلَا مُبْتَلَى فَأَعْفَافِيهِ، أَلَا كَذَا أَلَا كَذَا حَتَّى يَطْلُعَ الْفَجْرُ

Terjemahan: Dari 'Ali Ibn Abi Talib berkata: Rasulullah SAW bersabda: "Apabila tiba malam nisfu Syaaban, maka solatlah di malam harinya dan berpuasalah di siang harinya. Sesungguhnya Allah turun ke langit dunia setelah matahari terbenam, kemudian Dia berfirman: "Adakah orang yang meminta ampun kepada-Ku, maka Aku akan mengampuninya? Adakah orang yang meminta rezeki, maka Aku akan memberinya rezeki? Adakah orang yang ditimpah bala, maka Aku akan menyembuhkannya? Adakah yang begini dan adakah yang begini sehingga terbit fajar." [Hadis *da’if jiddan* riwayat Ibn Majah]<sup>21</sup>

اللَّهُمَّ بارِكْ لَنَا فِي رَجَبٍ وَشَعْبَانَ، وَبَلِّغْنَا رَمَضَانَ

<sup>19</sup> Muhammad Ibn 'Isa Ibn Sawrah al-Tirmidhi, Sunan al-Tirmidhi, Kitab al-Zakat, Bab Ma Ja fi Fadhl al-Sadaqah, Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi', 167, no. Hadis 663.

<sup>20</sup> Ibn al-Dabithi, Laylah al-Nisf Min Sya'ban wa Fadhlha, Qahirah: Matba'ah al-Madani, 1992, 39.

<sup>21</sup> Abu 'Abd Allah Muhammad Ibn Yazid al-Qazawayni, Sunan Ibn Majah, Kitab Iqamah al-Salah wa al-Sunnah fiha, Bab Ma Ja'a fi Laylah al-Nisf Min Sya'ban, Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi', 247, no. Hadis 1388. Hadis *da’if jiddan*.

Terjemahan: "Ya Allah, berkat kami dalam Rejab dan Syaaban, dan sampaikan kami kepada Ramadan." [Hadis munkar riwayat Ahmad dalam Zawa'id Musnad Ahmad, al-Bazzar dalam musnadnya dan al-Bayhaqi dalam Fada'il Awqat]

Hadis tersebut diriwayatkan dari Za'idayah Ibn Abi al-Ruqqad, dari Ziyad al-Namiri dari Anas Ibn Malik kepada Nabi Muhammad SAW. Bayhaqi telah mengkritik hadis ini dengan mengatakan bahawa Za'idayah Ibn Abi al-Ruqqad telah meriwayatkan secara tafarrud (berkeseorangan) dari Ziyad al-Namiri. Bahkan al-Bukhari mengkritik Za'idayah Ibn Abi al-Ruqqad sebagai "Munkar al-Hadith." Abu Hatim juga mengatakan bahawa dia (Za'idayah Ibn Abi al-Ruqqad) telah meriwayatkan hadis-hadis yang munkar dari Ziyad al-Namiri, dari Anas Ibn Malik. Aku sendiri tidak mengetahui sama ada itu daripada dia atau Ziyad. Yahya Ibn Ma'in juga menyebutkan tiada satu apa pun (baginya) dalam erti kata mendaifkan riwayat dan menggugurnannya.<sup>22</sup>

Dalam contoh lain,

عَنْ أَبْنِ عُمَرَ قَالَ: حَمْسُ لَيَالٍ لَا تُرْدُ فِيهِنَ الدُّعَاءُ: لَيْلَةُ الْجُمُعَةِ، وَأَوَّلُ لَيْلَةٍ مِّنْ رَجَبٍ، وَلَيْلَةُ التِّصْفِيِّ مِنْ شَعْبَانَ، وَلَيْلَةُ الْعِيدَيْنِ

Terjemahan: Dari Ibn 'Umar berkata: "Lima malam yang tidak ditolak doa: malam Jumaat, awal malam daripada Rejab (1 Rejab), malam Nisfu Syaaban dan malam dua hari raya (Aidil Fitri dan Aidil Adha)." [Hadis da'if jiddan riwayat 'Abd Razzaq]<sup>23</sup>

Pada hadis berikut terdapat dua masalah: [Pertama] *Jahalah* (tidak dapat dipastikan) siapa yang meriwayatkan daripada al-Bilmani. [Kedua] al-Bilmani dan ayahnya dihukum daif oleh ulama. Al-Bilmani atau nama sebenarnya Muhammad Ibn Abd Rahman Ibn al-Bilmani telah dikritik oleh al-Bukhari, Abu Hatim dan al-Nasa'i dengan "Munkar al-Hadith." Ibn Ma'in juga mengatakan bahawa tiada satu apa pun (baginya). Manakala Ibn Hibban turut menyatakan "dia telah meriwayatkan dari ayahnya dengan naskhah-naskhah yang hampir serupa sebanyak dua ratus hadis dan semuanya palsu. Tidak perlu menyebut atau mengguna pakai hadisnya." Manakala ayahnya, Abd Rahman Ibn al-Bilmani juga dikritik oleh Soleh Jarzah (hadisnya munkar dan tidak diketahui sama ada dia mendengar daripada mana-mana sahabat kecuali mencuri hadis), dan al-Daruqutni (dia seorang yang daif dan tidak dapat dijadikan hujah).

### Isu Hadis Palsu Mengenai Bulan Syaaban

Menurut Ibn Qayyim al-Jawziyyah, semua hadis mengenai solat pada malam tertentu atau malam Nisfu Syaaban adalah dusta atas nama Rasulullah SAW, bahkan semuanya adalah palsu. Tidak dinafikan nas mengenai kelebihan malam Nisfu Syaaban itu memang ada, akan tetapi anjuran amalan tertentu lagi khas pada malam tersebut adalah palsu. Berikut merupakan hadis palsu popular yang mengakar dalam kalangan masyarakat Malaysia mengenai kelebihan bulan Syaaban:

رَجَبٌ شَهْرُ اللَّهِ، وَشَعْبَانُ شَهْرِي، وَرَمَضَانُ شَهْرُ أُمَّتِي

<sup>22</sup> Ibn al-Dabithi, Laylah al-Nisf Min Sya'ban wa Fadhlha, Qahirah: Matba'ah al-Madani, 1992, 26.

<sup>23</sup> Abu Bakr 'Abd Razzaq Ibn Hammam al-San'ani, Al-Musannaf li 'Abd Razzaq, Kitab al-Siyam, Bab al-Nisf Min Sya'ban, 4: 317, no. Hadis 7927.

Terjemahan: "Rejab adalah bulan Allah SWT, Syaaban adalah bulanku, dan Ramadan adalah bulan umatku." [Status: Hadis Palsu]<sup>24</sup>

Menurut Ibn al-Jawzi, hadis ini merupakan rekaan Ibn Jahdam al-Sufi yang dikenal sebagai pendusta.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Anas Ibn Malik secara marfu':

"Bulan Syaaban adalah bulanku (bulan Rasulullah SAW). Sesiapa yang memuliakan bulan Syaaban bermakna telah memuliakan perintahku. Sesiapa yang memuliakan perintahku, baginya ganjaran yang melimpah-limpah dan wanita (bidadari) pada hari kiamat." [Status: Hadis Palsu]

Ibn Hajar al-'Asqalani mencela hadis ini dengan mengatakan sebagai rekaan, bahkan jelas kepalsuannya. Ia telah dipalsukan oleh Abu 'Usman Nuh Ibn Abi Maryam al-Jami'. Ibn Mubarok juga menukilkan kata-kata Waqi' mengenai Abu 'Usman bahawa dia merupakan seorang pereka hadis. Terhimpun segala (kebaikan) pada dirinya kecuali sifat *siddiq*.<sup>25</sup>

Dalam hadis lain yang diriwayatkan daripada Abu Hurayrah secara marfu':

"Sesiapa yang solat dua belas rakaat pada malam Nisfu Syaaban dan membaca surah al-Ikhlas pada setiap rakaat sebanyak tiga puluh kali. Dia tidak akan keluar (dari ibadah) sehingga diperlihatkan tempatnya di dalam syurga dan (dapat) memberi syafaat kepada semua ahli keluarganya serta dibebaskan daripada api neraka."

[Status: Hadis Palsu]

Ibn Jawzi mengkritik hadis ini dengan menyatakan ia merupakan rekaan. Dalam rangkaian sanadnya terdapat banyak perawi *majhul* sebelum sampai kepada Baqiyah Ibn Walid dan Laith Ibn Abi Salim. Bahkan mereka berdua juga adalah daif. Semoga bala Allah menimpa mereka yang sebelumnya (telah memalsukan hadis).<sup>26</sup>

### Isu Pertentangan Antara Jumlah Puasa Syaaban

Perbincangan mengenai jumlah puasa pada bulan Syaaban adalah berdasarkan kepada beberapa Hadis. Antara hadis tersebut ialah;

عَنْ جُبَيْرِ بْنِ نُفَيْرٍ، أَنَّ عَائِشَةَ قَالَتْ: إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ كَانَ يَصُومُ شَعْبَانَ كُلَّهُ

Terjemahan: Dari Jubayr Ibn Nufayr, sesungguhnya 'A'ishah berkata: "Sesungguhnya Rasulullah SAW berpuasa penuh dalam bulan Syaaban." [Hadis riwayat al-Nasa'i]<sup>27</sup>

<sup>24</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyah, Al-Manar al-Munif fi al-Sahih wa al-Daif, Dar al-'Asimah lil Nashr wa al-Tawzi', 65. Shams al-Din Muhammad Ibn Ahmad Ibn 'Uthman al-Dhahabi, Talkhis Kitab al-Mawdu'at li Ibn Jawzi, Riyadh: Maktabah al-Rushd, 1998, 208.

<sup>25</sup> Ibn al-Dabithi, Laylah al-Nisf Min Sya'ban wa Fadhlha, Qahirah: Matba'ah al-Madani, 1992, 26.

<sup>26</sup> Ibn al-Dabithi, Laylah al-Nisf Min Sya'ban wa Fadhlha, Qahirah: Matba'ah al-Madani, 1992, 99-100.

<sup>27</sup> Abu 'Abd al-Rahman Ahmad Ibn Shu'aib Ibn 'Ali, Sunan al-Nasa'i, Kitab al-Siyam, Bab Sawm Nabi SAW, Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi', 367, no. Hadis 2356.

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ يَصُومُ، حَتَّىٰ نَقُولُ: لَا يُفْطِرُ، وَيُفْطِرُ حَتَّىٰ نَقُولُ: لَا يَصُومُ، فَمَا رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ اسْتَكْمَلَ صِيَامَ شَهْرٍ إِلَّا رَمَضَانَ، وَمَا رَأَيْتُهُ أَكْثَرَ صِيَاماً مِنْهُ فِي شَعْبَانَ

Terjemahan: Dari ‘A’ishah berkata: “Rasulullah SAW biasa berpuasa sehingga kami mengatakan bahawa baginda SAW tidak berbuka, dan baginda SAW juga berbuka sehingga kami mengatakan bahawa baginda SAW tidak berpuasa. Aku tidak pernah melihat Rasulullah SAW berpuasa secara sempurna sebulan penuh selain pada bulan Ramadan dan aku juga tidak pernah melihat baginda SAW lebih banyak berpuasa pada bulan lain (melainkan) di bulan Syaaban.” [Hadis riwayat al-Bukhari]<sup>28</sup>

Antara hadis pertama (Nabi SAW berpuasa penuh) dan kedua (Nabi SAW berpuasa pada kebanyakan hari) dalam bulan Syaaban, kedua-duanya merupakan hadis sahih lagi *mahfuz*. Ini mendatangkan tanda tanya kepada ulama, yang manakah merupakan sunnah sama ada berpuasa penuh atau pada kebanyakan hari sahaja?

Para ulama bersepakat bahawa yang dimaksudkan dengan “berpuasa secara keseluruhan atau penuh” menurut bahasa Arab ialah pada kebanyakan hari. Malah perbuatan berpuasa pada kebanyakan hari itu sudah diumpamakan seperti berpuasa penuh secara keseluruhan. Oleh itu, sunnah puasa Syaaban ialah pada kebanyakan hari dan bukannya secara keseluruhan. Ini berdasarkan hadis:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ شَقِيقٍ قَالَ: سَأَلْتُ عَائِشَةَ عَنْ صِيَامِ النَّيْمَةِ قَالَتْ: وَمَا صَامَ رَسُولُ اللَّهِ شَهْرًا كَامِلًا إِلَّا رَمَضَانَ

Terjemahan: Dari Abdillah Ibn Shiqiq mengatakan, aku pernah bertanya kepada ‘A’ishah mengenai puasa Nabi SAW. Dia menjawab: “Rasulullah SAW tidak berpuasa penuh kecuali dalam bulan Ramadan.” [Hadis riwayat al-Tirmidhi]<sup>29</sup>

Di samping itu, terdapat juga hadis lain yang menafikan perbuatan Nabi SAW berpuasa penuh dalam bulan selain Ramadan. Ini sekaligus menjelaskan lagi bahawa semenjak berhijrah ke Madinah sehingga wafat, baginda SAW tidak pernah berpuasa penuh selain bulan Ramadan.<sup>30</sup>

عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ قَالَتْ: وَمَا رَأَيْتُهُ صَامَ شَهْرًا كَامِلًا مُنْذُ قِدْمِ الْمَدِينَةِ، إِلَّا أَنْ يَكُونَ رَمَضَانَ

Terjemahan: ‘A’ishah berkata: “Aku tidak pernah melihat Nabi SAW berpuasa sebulan penuh sejak tinggal di Madinah kecuali pada bulan Ramadan.” [Hadis riwayat Muslim]<sup>31</sup>

<sup>28</sup> Abu ‘Abd Allah Muhammad Ibn ‘Isma’il al-Bukhari, al-Jami’ al-Sahih al-Musnad Min Hadith Rasulillah SAW wa Sunanīh wa Ayyamih, Kitab al-Sawm, Bab Sawm Sya’ban, Qahirah: al-Matba’ah al-Salafiyyah wa Maktabatuha, 2: 50, no. Hadis 1969.

<sup>29</sup> Muhammad Ibn ‘Isa Ibn Sawrah al-Tirmidhi, Sunan al-Tirmidhi, Kitab al-Sawm, Bab Ma Ja fi Sird al-Sawm, Riyad: Maktabah al-Ma’arif li al-Nashr wa al-Tawzī’, 189, no. Hadis 768.

<sup>30</sup> ‘Abd Allah Mani’, Sharh Kitab al-Siyam Min Sahih al-Bukhari, Bab Sawm Sya’ban, Riyad: Dar al-Muhaddith, 168-169.

<sup>31</sup> Muslim Ibn Hajjaj Ibn Muslim al-Qushairi al-Naysaburi, Sahih Muslim, Kitab al-Siyam, Bab Siyam Nabi fi Ghayr Ramadan wa Istihbab An La Yakhli Shahr ‘An Sawm, dalam Soleh Ibn ‘Abd al-Aziz Ibn Muhammad Ibn Ibrahim Al al-Sheikh, al-Kutub al-Sittah, Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzī’, 1: 863, no. Hadis 2719.

Kesimpulannya, Rasulullah SAW berpuasa pada kebanyakan hari iaitu sebanyak dua puluh atau dua puluh lima hari dalam bulan Syaaban. Baginda SAW tidak berpuasa secara penuh dan akan berbuka sehari sekali. Perkara ini turut diperakui oleh Soleh Ibn Fawzan.<sup>32</sup>

### Isu Puasa Pada Pertengahan Bulan Syaaban

Manakala isu pada pertengahan bulan Syaaban boleh difahami dalam beberapa hadis. Antaranya adalah;

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ: إِذَا بَقَيْتِ نِصْفًا مِنْ شَعْبَانَ فَلَا تَصُومُوا

Terjemahan: Dari Abu Hurayrah berkata: Rasulullah SAW bersabda: "Apabila berbaki separuh dari bulan Syaaban, maka janganlah kamu semua berpuasa." [Hadis riwayat al-Tirmidhi<sup>33</sup> & Abu Dawud]<sup>34</sup>

Menurut Safa al-Dawwi Ahmad al-'Adawi, larangan berpuasa pada pertengahan bulan Syaaban adalah bagi orang yang sengaja untuk berpuasa di dalamnya, padahal sebelum itu tidak pernah melaziminya. Bagi orang yang secara adatnya memang melazimi berpuasa di awal dan tengah bulan, itu tidak menjadi masalah. Dalam mazhab Shafi'e, Ibn Hajar al-'Asqalani mengatakan majoriti ulama melarang berpuasa bermula 16 sehingga 30 Syaaban. Ini sejajar dengan sabda Nabi SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ: إِذَا كَانَ النِّصْفُ مِنْ شَعْبَانَ فَلَا صَوْمَ حَتَّىٰ يَبْيَغِيَ رَمَضَانُ

Terjemahan: Dari Abu Hurayrah berkata: Rasulullah SAW bersabda: "Apabila tiba pertengahan bulan Syaaban, maka janganlah berpuasa sehingga datang Ramadan." [Hadis riwayat Ibn Majah]<sup>35</sup>

Begitu pun, masih boleh berpuasa bermula awal bulan hingga 15 haribulan Syaaban. Bagi orang yang tidak berkesempatan melakukan puasa pada awal Syaaban, boleh berpuasa pada Ayyam al-Bid (13, 14, 15 haribulan) dan berhenti pada 16 Syaaban. Manakala bagi orang yang tidak berpuasa pada awalnya, kemudian ingin terus berpuasa pada pertengahan bulan, maka golongan inilah yang dimaksudkan dalam larangan Nabi SAW sebagaimana hal orang yang ingin berpuasa di akhir Syaaban kecuali untuk melaksanakan puasa wajib seperti puasa ganti atau nazar.

<sup>32</sup> Soleh Ibn Fawzan al-Fawzan, Majmu' Fatawa Fadilah Sheikh Soleh Ibn Fawzan al-Fawzan, Riyad: Dar Ibn Khuzaymah, 2003, 2: 437.

<sup>33</sup> Muhammad Ibn 'Isa Ibn Sawrah al-Tirmidhi, Sunan al-Tirmidhi, Kitab al-Sawm, Bab Ma Ja fi Karahiyah al-Sawm fi al-Nisf al-Thani Min Sya'ban li Hal Ramadan, Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi', 183, no. Hadis 738.

<sup>34</sup> Sulayman Ibn al-Ash'ath al-Sajistani, Sunan Abu Dawud, Kitab al-Sawm, Bab fi Karahiyah Dhalik, Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi', 410, no. Hadis 2337.

<sup>35</sup> Abu 'Abd Allah Muhammad Ibn Yazid al-Qazwayni, Sunan Ibn Majah, Kitab al-Siyam, Bab Man Ja'a fi Nahiy 'An Yataqaddam Ramadan bi Sawm Illa Man Sama Sawman Fawafiquhu, Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi', 290, no. Hadis 1651.

## Isu Puasa Surar Syaaban

Puasa surar di jelaskan dalam hadis;

عَنْ عِمَرَانَ بْنِ حُصَيْنٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ لَهُ أَوْ لِآخَرَ: أَحْمَدَ مِنْ سُرَرِ شَعْبَانَ؟، قَالَ: لَا،  
قَالَ: فَإِذَا أَفْطَرْتَ فَصُمُّ يَوْمَيْنِ"

Terjemahan: Dari 'Imran Ibn Husayn, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda kepadanya atau kepada yang lainnya: "Apakah kamu berpuasa Surar Syaaban?" Dia menjawab: "Tidak." Nabi SAW bersabda: "Jika kamu berbuka, maka berpuasalah dua hari." [Hadis riwayat Muslim]<sup>36</sup>

Mengenai maksud Surar Syaaban, para ulama berbeza pendapat adakah di awal, pertengahan atau akhir bulan tersebut. Al-Nawawi menjelaskan bahawa pandangan yang paling masyhur adalah Surar Syaaban merujuk akhir bulan Syaaban.

Secara zahirnya, hadis suruhan berpuasa pada Surar Syaaban (akhir bulan) di atas dilihat bertentangan dengan hadis larangan mendahului puasa Ramadan.

لَا تُفَدِّمُوا صَوْمَ رَمَضَانَ بِيَوْمَيْنِ وَلَا يَوْمَيْنِ

Terjemahan: "Janganlah kamu semua mendahului puasa Ramadan dengan satu hari atau dua hari (sebelumnya)." [Hadis riwayat Abu Dawud]<sup>37</sup>

Namun, al-Maziri memberikan jawapan bahawa sahabat tersebut ('Imran Ibn Husayn) merupakan orang yang melazimi berpuasa pada akhir bulan. Akan tetapi dia meninggalkan puasa di akhir bulan Syaaban oleh kerana takut termasuk dalam larangan mendahului puasa Ramadan. Lantas Nabi SAW menerangkan kepadanya bahawa orang yang melazimi berpuasa pada akhir bulan tidak termasuk dalam larangan tersebut dan digalakkan meneruskan amalannya. Ini bertepatan dengan hadis:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ قَالَ: لَا تُفَدِّمُوا صَوْمَ رَمَضَانَ بِيَوْمَيْنِ وَلَا يَوْمَيْنِ إِلَّا أَنْ يَكُونَ صَوْمٌ يَصُومُهُ رَجُلٌ فَلَيَصُمُّ  
ذَلِكَ الصَّوْمَ

Terjemahan: Dari Abu Hurayrah, dari Nabi SAW bersabda: "Janganlah kamu semua mendahului puasa Ramadan dengan satu hari atau dua hari (sebelumnya) kecuali jika hal itu bertepatan puasa yang (dilazimi) dilakukan oleh salah seorang di antara kalian." [Hadis riwayat Abu Dawud]<sup>38</sup>

<sup>36</sup> Muslim Ibn Hajjaj Ibn Muslim al-Qushairi al-Naysaburi, Sahih Muslim, Kitab al-Siyam, Bab Sawm Surar Sya'ban, dalam Soleh Ibn 'Abd al-'Aziz Ibn Muhammad Ibn Ibrahim Al al-Sheikh, al-Kutub al-Sittah, Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi', 1: 865, no. Hadis 2851.

<sup>37</sup> Sulayman Ibn al-Ash'ath al-Sajistani, Sunan Abu Dawud, Kitab al-Sawm, Bab fi Man Yasilu Sya'ban bi Ramadan, Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi', 410, no. Hadis 2335.

<sup>38</sup> Sulayman Ibn al-Ash'ath al-Sajistani, Sunan Abu Dawud, Kitab al-Sawm, Bab fi Man Yasilu Sya'ban bi Ramadan, Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi', 410, no. Hadis 2335.

### Isu Malam Nisfu Syaaban

Malam Nisfu Syaaban merupakan malam ke-15 dalam bulan Syaaban dan turut dinamakan sebagai malam *al-Bara'ah*. Fadilat malam Nisfu Syaaban mempunyai asas dan sokongan nas, iaitu:

عَنْ أَبِي مُوسَى الْأَشْعَرِيِّ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ قَالَ: إِنَّ اللَّهَ لَيَطْلُبُ فِي لَيْلَةِ النِّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ، فَيَغْفِرُ لِجَمِيعِ خَلْقِهِ  
إِلَّا لِمُشْرِكٍ أَوْ مُشَاجِّنٍ

Terjemahan: Dari Abu Musa al-Ash'ariy, dari Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya Allah SWT akan menampakkan (turun) pada malam Nisfu Syaaban, lalu mengampunkan dosa semua makhluk-Nya melainkan dosa orang musyrik dan orang yang saling bermusuhan." [Hadis riwayat Ibn Majah]<sup>39</sup>

Malah terdapat golongan yang mendakwa malam Nisfu Syaaban merupakan malam yang dinyatakan Allah SWT di dalam firman-Nya: "*Sesungguhnya Kami telah menurunkan al-Quran pada malam yang penuh berkat.*" [Surah al-Dukhan (44): 3]

Walau bagaimanapun, Ibn Kathir menyanggah dan membid'ahkan pandangan tersebut kerana al-Quran diturunkan pada malam *al-Qadr* dalam bulan Ramadan. Perkara ini turut disepakati jumhur ulama.<sup>40</sup>

Di samping itu, terdapat pelbagai amalan rekaan yang disandarkan kepada malam Nisfu Syaaban. Antaranya:

1. Solat sebanyak 100 rakaat dengan membaca surah al-Ikhlas pada setiap rakaat (berasal daripada hadis mawdu')
2. Solat *al-Afiyah* sebanyak 100 rakaat dengan membaca surah al-Ikhlas sebanyak 10 kali secara berjemaah (berasal daripada hadis mawdu')
3. Solat *Raghaib* (berasal daripada hadis mawdu'). Solat ini pertama sekali dilakukan di Bayt al-Maqdis pada tahun 448H di mana para imam yang jahil telah melakukan solat Raghaib bersama-sama orang awam)
4. Berpuasa pada siang hari (berasal daripada hadis berstatus *da'iif jiddan* (sangat lemah) riwayat Ibn Majah)
5. Membaca Yasin sebanyak tiga kali bertujuan memohon keampunan, dilimpahkan rezeki dan dijauhkan bala (dikiaskan daripada hadis berstatus *da'iif jiddan* riwayat Ibn Majah)

Bahkan dalam sebuah buku kecil yang banyak tersebar di Malaysia bertajuk *Majmu' al-Sharif*, terdapat amalan khas yang dianjurkan pada pada malam Nisfu Syaaban. Antaranya membaca surah Yasin sebanyak tiga kali. Amalan tersebut adalah rekaan dan tidak berasaskan mana-mana hadis sahih. Disebutkan dalam buku tersebut:

"Inilah kaifiyat membaca doa Nisfu Syaaban, hendaklah sembahyang sunat dua rakaat selepas sembahyang Maghrib dan membaca Fatihah pada rakaat pertama

<sup>39</sup> Abu 'Abd Allah Muhammad Ibn Yazid al-Qazawayni, Sunan Ibn Majah, Kitab Iqamat al-Salah wa al-Sunnah fiha, Bab Ma Ja'a fi Laylah al-Nisf Min Sya'ban, Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi', 247, no. Hadis 1390. Hadis Hasan menurut al-Albani.

<sup>40</sup> Muhammad 'Abd Rahman Ibn 'Abd Rahim al-Mubarakfuri, Tuhfah al-Ahwadhi bi Sharh Jami' al-Tirmidhi, t.t.: Dar al-Fikr, 3: 442-443.

diikuti dengan surah al-'Alaq. Kemudian pada rakaat kedua, membaca Fatihah dan diikuti surah al-Ikhlas. Kemudian memberi salam, lalu membaca Yasin 3 kali dengan niat yang pertama minta dipanjangkan umur, niat kedua minta rezeki yang banyak dan niat yang ketiga minta ditetapkan iman.”<sup>41</sup>

Mengulas lebih lanjut, Yusuf al-Qaradawi menyatakan:

“Mengenai malam Nisfu Syaaban, tidak terdapat hadis yang sampai kepada martabat sahih yang menyebut tentangnya, kecuali ia berada pada martabat hasan di sisi sebahagian para sarjana, dan terdapat juga sebahagian sarjana yang menolaknya dan mengatakan tidak terdapat sebarang hadis sahih tentang malam Nisfu Syaaban. Sekiranya berpegang bahawa hadis tersebut berada pada martabat hasan, apa yang disebut dalam hadis tersebut ialah Rasulullah SAW hanya berdoa dan beristighfar pada malam tersebut, tiada disebut sebarang doa khusus sempena malam tersebut dan doa yang dibaca oleh sebahagian manusia di sesetengah negara, dicetak dan diedarkannya adalah doa yang tiada asal sumbernya dan ia adalah salah. Terdapat juga sesetengah negara yang mana mereka berkumpul selepas solat maghrib di masjid-masjid dan membaca Yasin, kemudian solat dua rakaat dengan niat supaya dipanjangkan umur, dan dua rakaat lagi supaya tidak bergantung harap kepada manusia. Kemudian membaca doa yang tidak pernah dilakukannya oleh seorang pun daripada kalangan salaf, dan ia adalah doa yang bercanggah dengan nas sahih dan bersalahan dari segi maknanya.”<sup>42</sup>

Menurut Muhammad Ibn Halim Ibn Taimiyah, kelebihan malam Nisfu Syaaban telah sabit melalui hadis, athar dan amalan ulama salaf. Mereka menghidupkan malam tersebut dengan melaksanakan ibadah secara bersendirian sebagaimana amalan ulama terdahulu bahkan terdapat hujah dalam pelaksanaannya. Adapun ibadah secara berjemaah didirikan atas dasar kaedah umum bermasyarakat dalam perkara ketaatan dan ibadah.<sup>43</sup>

Selanjutnya Ibn Rajab al-Hanbali mengatakan, ulama tabi'in dari Syam seperti Khalid Ibn Mi'dan, Makhul, Luqman Ibn Amir dan selainnya amat memuliakan malam Nisfu Syaaban dan berusaha memperbanyakkan ibadah di dalamnya. Mereka akan memakai pakaian terbaik, bercelak dan menghidupkan malam Nisfu Syaaban secara berjemaah di masjid. Ishak Ibn Rahawayh juga tidak melarang perbuatan tersebut dan mengatakan ia bukan daripada perkara bid'ah. Masyarakat juga meniru cara menghidupkan malam Nisfu Syaaban daripada mereka. Namun begitu, terdapat ulama Syam yang memakruhkan berhimpun di masjid untuk solat, tazkirah dan berdoa pada malam tersebut. Akan tetapi, mereka tidak melarang ibadah secara persendirian khas untuk diri sendiri. Ini merupakan pendapat al-Awza'ie dan dianggap pandangan terbaik dalam hal ini.<sup>44</sup>

Kesimpulannya, tidak sabit hadis mengenai fadilat menghidupkan malam Nisfu Syaaban dengan solat, puasa pada waktu siangnya, mustajab doa di dalamnya, mendapat pembebasan daripada api neraka atau pembebasan roh pada malamnya. Apa yang pasti, kelebihan keampunan pada malam Nisfu Syaaban adalah sabit dan menghidupkannya dengan ibadah umum adalah

<sup>41</sup> Abdul Razak Muthalib, *40 Hadith Palsu Dan Lemah Popular*, Selangor: PTS Publishing House, 2016, 191.

<sup>42</sup> Yusuf al-Qaradawi, *Fatawa Mu'asarah*, Beirut: Dar Uli al-Nuha, 1: 382-383.

<sup>43</sup> Muhammad al-Dabisi, *Hal al-Mukminin fi Sya'ban*, Qahirah: Masjid al-Huda al-Mahmudi, 2013, 68.

<sup>44</sup> Ibn al-Dabithi, *Laylah al-Nisf Min Sya'ban wa Fadhlha*, Qahirah: Matba'ah al-Madani, 1992, 90-91.

digalakkan. Manakala dalam pelaksanaannya, ibadah secara persendirian adalah lebih digalakkan, namun boleh juga dilakukan secara berjemaah atas dasar tarbiyah dan kaedah umum bermasyarakat. Paling penting, sebarang bentuk ibadah yang disandarkan pada malam tersebut tidak boleh disandarkan dengan mana-mana hadis ataupun menganggapnya mempunyai kelebihan secara khusus.

### Garis Panduan Dalam Menyambut Syaaban

[Pertama]: Batas Akhir Menggantikan Puasa Ramadan Lepas

عَنْ أَبِي سَلَمَةَ قَالَ: سَمِعْتُ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا تَقُولُ: كَانَ يَكُونُ عَلَيَّ الصَّوْمُ مِنْ رَمَضَانَ، فَمَا أُسْتَطِيعُ أَنْ أَفْضِيَ إِلَّا فِي شَعْبَانَ الشُّعْلُ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ أَوْ بِرَسُولِ اللَّهِ

Terjemahan: Dari Abi Salamah berkata: dia mendengar ‘A’ishah berkata: “Aku mempunyai hutang puasa Ramadan. Aku tidak mampu menggantikannya kecuali pada bulan Syaaban disebabkan kesibukanku (melayani) Rasulullah SAW.” [Hadis riwayat Muslim]<sup>45</sup>

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، أَنَّهَا قَالَتْ: إِنْ كَانَتْ إِخْدَانًا لَتَفْطِيرٍ فِي زَمَانِ رَسُولِ اللَّهِ فَمَا تَفْدِيرُ عَلَى أَنْ تَفْضِيَهُ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ حَتَّى يَأْتِي شَعْبَانَ

Terjemahan: Dari ‘A’ishah, sesungguhnya beliau berkata: “Pernah terdapat salah seorang dari kami, dia berbuka (di bulan Ramadan) pada zaman Rasulullah SAW, dan tidak mampu menggantinya bersama Rasulullah SAW sehingga masuk bulan Syaaban.” [Hadis riwayat Muslim]<sup>46</sup>

Berdasarkan hadis tersebut, boleh melewati-lewatkan Qada’ puasa Ramadan lepas sehingga tiba bulan Syaaban. Namun begitu, perbuatan tersebut tidak digalakkan oleh kerana tempoh masa yang semakin sempit menghampiri Ramadan seterusnya. Malah jumhur ulama berpendapat disunatkan menyeferakan Qada’ puasa Ramadan sebaik sahaja tamat ‘Aidilfitri sebagai langkah berhati-hati dalam pengamalan beragama. Jikalau tidak sempat, maka wajib membayar fidyah.<sup>47</sup>

[Kedua]: Memperbanyak Berpuasa Dalam Bulan Syaaban

Antara sunnah utama dalam bulan Syaaban ialah berpuasa di dalamnya. Rasulullah SAW melazimi amalan berpuasa dalam bulan Syaaban melebihi bulan-bulan lain selain Ramadan sebagaimana hadis:

<sup>45</sup> Muslim Ibn Hajjaj Ibn Muslim al-Qushairi al-Naysaburi, Sahih Muslim, Kitab al-Siyam, Bab Qada’ Ramadan Min Sya’ban, dalam Soleh Ibn ‘Abd al-‘Aziz Ibn Muhammad Ibn Ibrahim Al al-Sheikh, al-Kutub al-Sittah, Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi’, 1: 861, no. Hadis. 2687.

<sup>46</sup> Muslim Ibn Hajjaj Ibn Muslim al-Qushairi al-Naysaburi, Sahih Muslim, Kitab al-Siyam, Bab Qada’ Ramadan Min Sya’ban, dalam Soleh Ibn ‘Abd al-‘Aziz Ibn Muhammad Ibn Ibrahim Al al-Sheikh, al-Kutub al-Sittah, Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi’, 1: 861, no. Hadis. 2691.

<sup>47</sup> Al-Nawawi, Sahih Muslim bi Sharh Nawawi, Misr: al-Matba’ah al-Misriyah bi al-Azhar, 1969, 8: 22-23.

عَنْ أُبِي سَلَمَةَ، أَنَّ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا حَدَّثَتْهُ، قَالَتْ: لَمْ يَكُنِ النَّجِيُّ يَصُومُ شَهْرًا أَكْثَرَ مِنْ شَعْبَانَ، فَإِنَّهُ كَانَ يَصُومُ شَعْبَانَ كُلَّهُ، وَكَانَ يَقُولُ: خُذُوا مِنَ الْعَمَلِ مَا تُطِيقُونَ، فَإِنَّ اللَّهَ لَا يَمْلُأُ حَتَّى تَمْلُوَا، وَأَحَبُّ الصَّلَاةَ إِلَى النَّجِيِّ مَا دُرُومَ عَلَيْهِ وَإِنْ قَلَتْ، وَكَانَ إِذَا صَلَّى صَلَاةً دَارِمَ عَلَيْهَا بِرَمَضَانَ

Terjemahan: Dari Abi Salamah, sesungguhnya ‘A’ishah menceritakan: “Nabi SAW tidak pernah berpuasa dalam sebulan yang lebih banyak dari Syaaban. (Iaitu) Nabi SAW berpuasa penuh pada bulan Syaaban. Baginda SAW bersabda: “Ambillah (kerjakanlah) amalan yang kamu mampu. Sesungguhnya Allah SWT tidak pernah bosan hingga kamu semua merasa bosan. Solat yang paling Nabi SAW sukai adalah yang dilakukan secara berterusan meskipun sedikit. Baginda SAW apabila melaksanakan solat, maka baginda melakukannya secara berterusan.” [Hadis riwayat al-Bukhari]<sup>48</sup>

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي قَيْسٍ، سَمِعَ عَائِشَةَ تَقُولُ: كَانَ أَحَبُّ الشَّهْرِ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ أَنْ يَصُومَهُ شَعْبَانُ ثُمَّ يَصُومُهُ شَرْقَ الْمُهَاجَرَاتِ

Terjemahan: Dari ‘Abdillah Ibn Abi Qays, dia mendengar ‘A’ishah berkata: “Bulan yang paling disukai oleh Rasulullah SAW untuk berpuasa di dalamnya (ialah). Syaaban kemudian diteruskan dengan Ramadan.” [Hadis riwayat Abu Dawud]<sup>49</sup>

### [Ketiga]: Memakmurkan Waktu Lalai Dengan Amalan Kebaikan Dan Ketaatan

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ قَالَ: حَدَّثَنَا ثَابِتُ بْنُ قَيْسٍ أَبْوُ الْعُصْنِ شَيْخُ مِنْ أَهْلِ الْمَدِينَةِ قَالَ: حَدَّثَنِي أَبُو سَعِيدِ الْمَقْبُرِيُّ قَالَ: حَدَّثَنِي أُسَامَةُ بْنُ زَيْدٍ، قَالَ: قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ! لَمْ أَرَكَ تَصُومُ شَهْرًا مِنَ الشَّهْرِ مَا تَصُومُ مِنْ شَعْبَانَ، قَالَ: ذَلِكَ شَهْرٌ يَعْقُلُ النَّاسُ عَنْهُ بَيْنَ رَجَبٍ وَرَمَضَانَ، وَهُوَ شَهْرٌ تُرْفَعُ فِيهِ الْأَعْمَالُ إِلَى رَبِّ الْعَالَمِينَ، فَأَحِبُّ أَنْ يُرْفَعَ عَمَلِي وَأَنَا صَائِمٌ

Terjemahan: Dari ‘Abd al-Rahman mengatakan: Thabit Ibn Qays Abu al-‘Usn, seorang tua dari penduduk Madinah menceritakan kepada kami dengan berkata: Abu Sa’id al-Maqburiy menceritakan kepadaku dengan berkata: Usamah Ibn Zayd menceritakan kepadaku dengan berkata bahawa aku pernah bertanya kepada baginda SAW: “Wahai Rasulullah SAW, aku tidak pernah melihat engkau berpuasa dalam bulan-bulan lain sebagaimana dalam bulan Syaaban. (Kemudian) Rasulullah SAW bersabda: “Bulan Syaaban merupakan bulan di antara Rejab dan Ramadan di mana manusia sering lalai daripadanya. Bulan tersebut diangkat semua amalan

<sup>48</sup> Abu ‘Abd Allah Muhammad Ibn ‘Isma’il al-Bukhari, al-Jami’ al-Sahih al-Musnad Min Hadith Rasulillah SAW wa Sunanhi wa Ayyamih, Kitab al-Sawm, Bab Sawm Sya’ban, Qahirah: al-Matba’ah al-Salafiyyah wa Maktabatuha, 2: 50, no. Hadis 1970.

<sup>49</sup> Sulayman Ibn al-Ash’ath al-Sajistani, Sunan Abu Dawud, Kitab al-Sawm, Bab fi Sawm Sya’ban, 426, Riyad: Maktabah al-Ma’arif li al-Nashr wa al-Tawzī’, no. Hadis 2431.

hamba kepada Allah, Tuhan semesta alam. Oleh kerana itu, aku sangat suka untuk berpuasa ketika amalanku dinaikkan.” [Hadis riwayat al-Nasa’i]<sup>50</sup>

Dalam hadis berikut, Nabi SAW menerangkan kepada para sahabat agar berwaspada daripada bersikap lalai dalam bulan Syaaban. Mengimarahkan waktu-waktu lalai dengan amalan, keimanan dan ketaatan mempunyai signifikan bagi mempersiapkan diri untuk menghadapi bulan Ramadan yang bakal menguji kekuatan mental, fizikal dan spiritual.<sup>51</sup>

#### [Keempat]: *Mujahadah al-Nafs* Dalam Melakukan Ketaatan

Memenuhi aktiviti dengan cahaya iman merupakan ubat bagi merawat jiwa yang penuh lalai, alpa, banyak rehat dan suka tidur. Oleh itu, dianjurkan memperbanyakkan amalan dalam bulan Syaaban kerana keistimewaannya dan sebagai tanda gembira menanti kedatangan Ramadan. Antara ibadah yang dianjurkan adalah:

- 1) Memperbanyakkan berdoa agar disampaikan kepada bulan Ramadan.
- 2) Membanyakkan membaca al-Quran
- 3) Berzikir dan selawat
- 4) Berpuasa, khususnya puasa-puasa yang dianjurkan seperti puasa Nabi Dawud, puasa Isnin dan Khamis, puasa Ayyam al-Bid (13, 14, 15 Syaaban).
- 5) Bersedekah dan membelanjakan harta fi sabilillah
- 6) Mengulangkaji hukum-hakam berkaitan puasa dan ibadah dalam bulan Ramadan
- 7) Menghidupkan rumah Allah (masjid)
- 8) Jangan berpuasa pada hari syak.<sup>52</sup>

Allah SWT berfirman melalui satu hadis Qudsi:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ النَّبِيُّ يَقُولُ اللَّهُ تَعَالَى أَنَا عِنْدَ ظَنِّ عَبْدِيِّ بِي، وَأَنَا مَعَهُ إِذَا ذَكَرْتِي، فَإِنْ ذَكَرْتِي فِي نَفْسِهِ ذَكَرْتُهُ فِي نَفْسِي، وَإِنْ ذَكَرْتِي فِي مَلِأِ ذَكَرْتُهُ فِي مَلِأِ حَيْرَ مِنْهُمْ، وَإِنْ تَقَرَّبَ إِلَيَّ بِشَيْءٍ تَقَرَّبْتُ إِلَيْهِ ذَرَاعًا، وَإِنْ تَقَرَّبَ إِلَيَّ ذَرَاعًا تَقَرَّبْتُ إِلَيْهِ بَاعًا، وَإِنْ أَتَكَنِي بِمَكْثِي أَتَيْتُهُ هَرْوَلَةً .

Terjemahan: Dari Abu Hurayrah, dia berkata: Rasulullah SAW bersabda: Allah berfirman: “Aku menurut sangkaan hamba-Ku kepada-Ku. Aku bersamanya apabila dia mengingat-Ku. Jika dia mengingati-Ku dalam dirinya, maka Aku mengingatinya dalam diri-Ku. Jika dia mengingati-Ku dalam suatu kelompok, Aku mengingatinya dalam kelompok yang lebih baik dari kelompok mereka. Jika dia mendekati-Ku satu jengkal, maka Aku mendekatinya satu hasta. Jika dia mendekati-Ku satu hasta, maka

<sup>50</sup> Abu ‘Abd al-Rahman Ahmad Ibn Shu‘aib Ibn ‘Ali, Sunan al-Nasa’i, Kitab al-Siyam, Bab Sawm Nabi SAW, Riyad: Maktabah al-Ma‘arif li al-Nashr wa al-Tawzi’, 367, no. Hadis 2357. Hadis hasan.

<sup>51</sup> Muhammad al-Dabisi, Hal al-Mukminin fi Sya‘ban, Qahirah: Masjid al-Huda al-Mahmudi, 2013, 31.

<sup>52</sup> ‘Abd al-Rahman Ibn Ahmad Ibn Rajab, Lata’if al-Ma‘arif fi Ma li Mawasim al-‘Am min al-Mawazif, Dimasyq: Dar Ibn Kathir, 1999, 280.

Aku mendekatinya satu lengan. Jika dia datang kepada-Ku dengan berjalan, maka Aku datang kepadanya dengan berlari.” [Hadis riwayat al-Bukhari]<sup>53</sup>

Hadis tersebut juga merupakan penjelasan kepada ayat: “*Oleh itu, ingatlah kamu kepada-Ku (dengan mematuhi hukum dan undang-undang-Ku), supaya Aku membala kamu dengan kebaikan; dan bersyukurlah kamu kepada-Ku dan janganlah kamu kufur (akan nikmat-Ku).*” [Surah al-Baqarah (2): 152]

[Kelima]: Memperlengkapkan Diri Dengan Amalan Terbaik Untuk Diangkat Oleh Allah SWT

Satu perkara menarik yang berlaku dalam bulan Syaaban ialah diangkat segala amalan kepada Allah SWT. Ini sejajar dengan sabda Nabi SAW:

وَهُوَ شَهْرٌ تُرْقَعُ فِيهِ الْأَعْمَالُ إِلَى رَبِّ الْعَالَمِينَ، فَأَحَبُّ أَنْ يُرْفَعَ عَمَلِي وَأَنَا صَائِمٌ

Terjemahan: “Bulan tersebut (Syaaban) diangkat semua amalan hamba kepada Allah, Tuhan semesta alam. Oleh kerana itu, aku sangat suka untuk berpuasa ketika amalanku dinaikkan.” [Hadis riwayat al-Nasa’i]<sup>54</sup>

Menurut para ulama, amalan diangkat kepada Allah SWT melalui tiga cara, iaitu: pada setiap malam sebelum siang, setiap hari isnin dan khamis (dalam seminggu) serta pada bulan Syaaban secara khusus. Oleh itu, menjadi kewajiban kepada umat Islam untuk mempersiapkan diri dengan amalan paling berkualiti untuk diangkat kepada Allah SWT. Selain itu, turut dianjurkan agar berada dalam keadaan terbaik. Perbuatan berpuasa adalah paling disukai Allah SWT dan merupakan cara terbaik untuk mengiringi amalan hamba-Nya dan memohon penerimaan amalan.

[Keenam]: Berusaha Memperoleh *Maghfirah* Allah SWT pada Malam Nisfu Syaaban Sebagai Persediaan Untuk Mengejar Pembebasan Daripada Api Neraka Pada Bulan Ramadan:

عَنْ أَبِي مُوسَى الْأَشْعَرِيِّ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ قَالَ: إِنَّ اللَّهَ لَيَطْلُبُ فِي لَيْلَةِ النِّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ، فَيَغْفِرُ لِجَمِيعِ خَلْقِهِ  
إِلَّا لِمُشْرِكٍ أَوْ مُشَاجِّنٍ

Terjemahan: Dari Abu Musa al-Ash’ariy, dari Rasulullah SAW bersabda: “Sesungguhnya Allah SWT akan menampakkan (turun) pada malam Nisfu Syaaban, lalu mengampunkan dosa semua makhluk-Nya melainkan dosa orang musyrik dan orang yang saling bermusuhan.” [Hadis riwayat Ibn Majah]<sup>55</sup>

Hadis tersebut memperlihatkan satu kurniaan berbentuk keampunan Allah SWT kepada golongan Mukminin dalam satu malam khusus digelar Laylah Nisfu Syaaban hanya dalam bulan Syaaban. Golongan Salaf al-Soleh sangat menyukai menghidupkan malam Nisfu Syaaban. Sebahagian mereka juga suka melakukan ibadah pada malam tersebut secara berjemaah di masjid. Namun, terdapat sebahagian yang melarang amalan sedemikian, sebaliknya perlu

<sup>53</sup> Abu ‘Abd Allah Muhammad Ibn ‘Isma’il al-Bukhari, al-Jami’ al-Sahih al-Musnad Min Hadith Rasulillah SAW wa Sunanihi wa Ayyamih, Kitab al-Tauhid, Bab Qawl Allah Ta’ala wa Yuhadzdzirukumullah Nafsah. Beirut, Lubnan: Dar Ibn Katsir, 1987, 6: 2694, no. Hadis 6970.

<sup>54</sup> Abu ‘Abd al-Rahman Ahmad Ibn Shu‘aib Ibn ‘Ali, Sunan al-Nasa’i, Kitab al-Siyam, Bab Sawm Nabi SAW, Riyad: Maktabah al-Ma’arif li al-Nashr wa al-Tawzi’, 367, no. Hadis 2357. Hadis hasan.

<sup>55</sup> Abu ‘Abd Allah Muhammad Ibn Yazid al-Qazawayni, Sunan Ibn Majah, Kitab Iqamat al-Salah wa al-Sunnah fiha, Bab Ma Ja’ fi Laylah al-Nisf Min Sya’ban, Riyad: Maktabah al-Ma’arif li al-Nashr wa al-Tawzi’, 247, no. Hadis 1390. Hadis hasan menurut al-Albani.

dilakukan secara bersendirian. Dalam mencari jalan penyelesaian terbaik dalam hal ini, al-Dabisi menyatakan:

“Setiap orang yang menghidupkan malam Nisfu Syaaban ketika mana dinyatakan bahwa Allah SWT turun kepada hamba-Nya, maka mereka pasti akan tergolong dalam kalangan orang yang berusaha untuk memperoleh keampunan dan rahmat Allah SWT. (Oleh itu, keadaan dan tempat bukan menjadi masalah). Berbeza daripada orang yang hanya tidur sepanjang malam, adakah dia memperoleh keampunan?”<sup>56</sup>

Keberhasilan beroleh *maghfirah* (keampunan) dalam bulan Syaaban akan terserlah kesannya pada baki hari-hari mendatang. Seterusnya apabila memasuki Ramadan dalam keadaan terbaik, nescaya makin bertambah keampunan dan rahmat dari Allah SWT. Oleh itu, pasti tercapai nikmat paling tinggi iaitu pembebasan daripada seksaan api neraka.

#### [Ketujuh]: Mendalami *Kalamullah* Dan Melazimi Tilawah al-Quran

Keistimewaan utama Ramadan yang membezakannya dengan bulan-bulan lain ialah *nuzul al-Quran* di dalamnya. Ini selaras firman Allah SWT: “*Bulan Ramadan yang padanya diturunkan al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia dan keterangan yang menjelaskan petunjuk serta perbezaan antara yang benar dan salah.*” [Surah al-Baqarah (2): 185]

Bersempena ketibaan Ramadan, umat Islam wajib mengambil peluang tambahan untuk mendampingi al-Quran. Al-Quran merupakan wahyu, *shifa'* dan rahmat bagi manusia. Bahkan ia juga merupakan asbab hidayah dan barakah yang diperlukan seseorang untuk menjalani kehidupan dunia dan akhirat. Sehubungan itu, persediaan awal untuk mendalami al-Quran dalam bulan Syaaban amat penting. Persiapan boleh dilakukan dengan cara tekun berlatih, selalu membiasahkan lidah dengannya, rajin mendengar alunannya, berfikir dan tadabbur isi kandungan serta mengambil ibrah daripada ayat-ayat al-Quran. Natijahnya, kemanisan al-Quran akan dapat dirasai dan dinikmati sepanjang Ramadan.<sup>57</sup>

#### [Kelapan]: Menghidupkan *Qiyam al-Layl*

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ: مَنْ قَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَخَتْسَابًا عُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Terjemahan: Dari Abu Hurayrah, Rasulullah SAW bersabda: “Sesiapa yang menghidupkan Ramadan dengan penuh keiman dan pengharapan, akan diampunkan segala dosa yang telah lalu.” [Hadis riwayat al-Bukhari]<sup>58</sup>

Sebagai persediaan, membiasakan diri dengan amalan Qiyam al-Layl (bangun malam) merupakan perkara mustahak. Ini tidak lain bagi mencapai matlamat untuk menghidupkan Ramadan al-Mubarak sekaligus menggapai janji keampunan dari Allah SWT. Antara manfaat lain yang boleh didapati daripada amalan Qiyam al-Layl ialah:

- 1- Malam adalah waktu mustajab dan tenang untuk bermunajat kepada Allah SWT

<sup>56</sup> Muhammad al-Dabisi, Hal al-Mukminin fi Sya'ban, Qahirah: Masjid al-Huda al-Mahmudi, 2013, 68.

<sup>57</sup> Muhammad al-Dabisi, Hal al-Mukminin fi Sya'ban, Qahirah: Masjid al-Huda al-Mahmudi, 2013, 70-71.

<sup>58</sup> Abu 'Abd Allah Muhammad Ibn 'Isma'il al-Bukhari, al-Jami' al-Sahih al-Musnad Min Hadith Rasulillah SAW wa Sunanīhi wa Ayyamīh, Kitab al-Imān, Bab Tatawwu' Qiyam Ramadān Min al-Imān, Qahirah: al-Matba'ah al-Salafiyah wa Maktabatuha, 1: 28-29, no. Hadis 37.

- 2- Qiyam al-Layl merupakan cara terbaik mendekatkan diri kepada Allah SWT
- 3- Qiyam al-Layl merupakan syiar golongan soleh terdahulu
- 4- Qiyam al-Layl berupaya menjauhkan (menghindarkan) penyakit
- 5- Qiyam al-Layl adalah penebus kepada amalan kejahanan
- 6- Qiyam al-Layl menguatkan tubuh badan.<sup>59</sup>

### Kesimpulan

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, kelemahan hadis mengenai kelebihan dan kekeliruan dalam pengamalan ibadah pada bulan Syaaban tidak sepatutnya menghalang umat Islam daripada menggandakan amal soleh. Jalan penyelesaian terbaik untuk menghapuskan sebarang kekeliruan dan salah faham ialah melalui penjelasan nas al-Quran dan Hadis. Hasilnya dengan kewujudan panduan khas dalam menyambut Syaaban, umat Islam dapat melaksanakan ibadah tanpa sebarang penyelewengan yang boleh mencacatkan keasliannya. Semoga kita diberikan kefahaman, kekuatan dan tekad untuk melaksanakan ibadah di dalam bulan Syaaban dan khususnya Ramadan.

### Penghargaan

Artikel ini merupakan hasil geran penyelidikan Universiti Malaya (FP026-2015A) bertajuk “Salah Faham Terhadap Sunnah Di Malaysia: Kajian Ke Arah Mengharmonikan Pandangan Antara Golongan Yang Menolak Dengan Golongan Yang Menerima.”

### Rujukan

- ‘Abd Allah Mani’, Sharh Kitab al-Siyam Min Sahih al-Bukhari, Bab Sawm Sya’ban, Riyad: Dar al-Muhaddith, 168-169.
- ‘Abd al-Rahman Ibn Ahmad Ibn Rajab, Lata’if al-Ma’arif fi Ma li Mawasim al-‘Am min al-Mawazif, Dimasyq: Dar Ibn Kathir, 1999, 376.
- Abdul Razak Muthalib, 40 Hadith Palsu Dan Lemah Popular, Selangor: PTS Publishing House, 2016, 191.
- Abu ‘Abd Allah Muhammad Ibn ‘Isma’il al-Bukhari, al-Jami’ al-Sahih al-Musnad Min Hadith Rasulillah SAW wa Sunanhi wa Ayyamih, Qahirah: al-Matba’ah al-Salafiyyah wa Maktabatuha, 1: 28-29.
- Abu ‘Abd Allah Muhammad Ibn Yazid al-Qazwayni, Sunan Ibn Majah, Riyad: Maktabah al-Ma’arif li al-Nashr wa al-Tawzi’, 289.
- Abu ‘Abd al-Rahman Ahmad Ibn Shu‘aib Ibn ‘Ali, Sunan al-Nasa’i, Riyad: Maktabah al-Ma’arif li al-Nashr wa al-Tawzi’, 367.
- Abu Bakr ‘Abd Razzaq Ibn Hammam al-San’ani, Al-Musannaf li ‘Abd Razzaq, 4: 317.

---

<sup>59</sup> Muhammad al-Dabisi, Hal al-Mukminin fi Sya’ban, Qahirah: Masjid al-Huda al-Mahmudi, 2013, 133.

- Ahmad Ibn 'Ali Ibn al-Mathna Ibn Yahya al-Tamimi al-Mawsili, *Musnad Abu Ya'la al-Mawsili*, Dimasyq: Dar al-Ma'mun lil Turath, 1990, 10: 328.
- Al-'Asqalani, *Tabyin al-'Ajab bi ma Warada fi Syahr Rajab*, Qahirah: Muasasah Qurtubah, t.t., 23.
- Al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Sharh Nawawi*, Misr: al-Matba'ah al-Misriyah bi al-Azhar, 1969, 8: 53.
- Hisam al-Din Ibn Musa 'Afana, *Yas'alunaka 'An Ramadan*, Palestin: al-Maktabah al-'Ilmiyyah wa Dar al-Tayyib lil Taba'ah wa al-Nashr, 2008, 172.
- Ibn al-Dabithi, *Laylah al-Nisf Min Sya'ban wa Fadhlha*, Qahirah: Matba'ah al-Madani, 1992, 39.
- Ibn al-Qayyim al-Jawziyah, *al-Manar al-Munif fi al-Sahih wa al-Da'if*, Jeddah: Dar 'Alim al-Fawa'id, t.t., 86-87.
- Muhammad 'Abd Rahman Ibn 'Abd Rahim al-Mubarakfuri, *Tuhfah al-Ahwadhi bi Sharh Jami' al-Tirmidhi*, t.t.: Dar al-Fikr, 3: 438.
- Muhammad al-Dabisi, *Hal al-Mukminin fi Sya'ban*, Qahirah: Masjid al-Huda al-Mahmudi, 2013, 8.
- Muhammad Ibn 'Isa Ibn Sawrah al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi', 183.
- Muslim Ibn Hajjaj Ibn Muslim al-Qushairi al-Naysaburi, *Sahih Muslim*, dalam Soleh Ibn 'Abd al-'Aziz Ibn Muhammad Ibn Ibrahim Al al-Shaykh, *al-Kutub al-Sittah*, Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi', 1: 865.
- Safa al-Dawwi Ahmad al-'Adawi, *Ihda' al-Dibajah bi Sharh Sunan Ibn Majah*, t.t.: Maktabah Dar al-Yaqin, 2: 326.
- Shams al-Din Muhammad Ibn Ahmad Ibn 'Uthman al-Dhahabi, *Talkhis Kitab al-Mawdu'at li Ibn Jawzi*, Riyadh: Maktabah al-Rushd, 1998, 208.
- Soleh Ibn Fawzan al-Fawzan, *Majmu' Fatawa Fadilah Shaykh Soleh Ibn Fawzan al-Fawzan*, Riyad: Dar Ibn Khuzaymah, 2003, 2: 437.
- Sulayman Ibn al-Ash'ath al-Sajistani, *Sunan Abu Dawud*, Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi', 410.
- Yusuf al-Qaradawi, *Fatawa Mu'asarah*, Beirut: Dar Uli al-Nuha, 1: 382-383.
- Yusuf Ibn Hasan Ibn 'Abd Hadi al-Maqdisi al-Dimasyqi al-Hanbali, *Ma'arif al-An'am wa Fadhl al-Shuhur wa al-Ayyam*, Shuriah-Lubnan-Kuwait: Dar al-Nawadir, 2011, 100.